

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

<http://www.parlimen.gov.my>

**HARI ISNIN, 27 JULAI 2020, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 10**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PR-1432-L09686  
**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [ Pasir Mas ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian bagi tujuan menarik minat belia dalam sektor pertanian dan industri pembuatan makanan.
  
2. PR-1432-L09444  
**Tuan Lim Guan Eng [ Bagan ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada moratorium kewangan oleh bank-bank akan dilanjutkan 6 bulan lagi. Sekiranya tidak, apakah bantuan yang diberikan kepada peniaga dan individu untuk pinjaman perumahan, kad kredit dan kenderaan. Mengapa faedah masih dikenakan sungguhpun dimaklumkan akan dikecualikan sebelum ini.
  
3. PR-1432-L08793  
**Tuan Yamani Hafez bin Musa [ Sipitang ]** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan sambutan pengusaha pelancongan dan rakyat terhadap galakan Kerajaan mempromosi kempen melancong dalam negeri (domestik) pasca COVID-19.
  
4. PR-1432-L09612  
**Tuan Loke Siew Fook [ Seremban ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah hasil cukai dan hasil bukan cukai yang dipungut oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) pada tahun 2018 dan 2019, daripada jumlah hasil tersebut berapakah yang dipungut melalui kaunter fizikal JPJ, saluran online MySikap JPJ dan saluran 'online' syarikat swasta.

5. PR-1432-L09294  
**Dato' Haji Mohd. Salim Sharif [ Jempol ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan perancangan bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan internet luar bandar atau pedalaman, khususnya di kawasan Jempol yang masih tidak stabil dan menjejaskan pengguna.
6. PR-1432-L08901  
**Puan Hannah Yeoh Tseow Suan [ Segambut ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan butiran geran penubuhan TASKA di tempat kerja sektor awam sebanyak RM30 juta menerusi Belanjawan 2020 termasuk status pelaksanaan terperinci, jumlah permohonan diterima, diluluskan dan ditolak serta apakah usaha yang telah diambil untuk mengutamakan golongan barisan hadapan seperti di hospital.
7. PR-1432-L09718  
**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [ Kuala Krai ]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah sistem berasaskan masa (*time-based system*) akan dilaksanakan di semua IPTA bagi kenaikan pangkat daripada gred 45 hingga gred 54 supaya perjawatan pensyarah universiti berdaya saing atau sekurang-kurangnya setaraf perjawatan guru.
8. PR-1432-L10067  
**Tuan Ahmad bin Hassan [ Papar ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapa banyak peruntukan yang sudah diturunkan kepada Sabah untuk tujuan pembaikan/pembinaan baru sekolah-sekolah daif yang banyak di Sabah setakat ini.
9. PR-1432-L08829  
**Dato' Sri Richard Riot anak Jaem [ Serian ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah langkah-langkah menaik taraf liputan dan akses telefon dan internet di kawasan luar bandar dan pedalaman.
10. PR-1432-L09107  
**Dato' Dr. Xavier Jayakumar A/L Arulanandram [ Kuala Langat ]** minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan langkah-langkah yang dilakukan oleh Kementerian untuk memajukan industri sumber mineral negara dalam kes perlombongan pasir silika, tanah liat dan lain-lain mineral serta tindakan-tindakan yang diambil untuk menubuhkan Lembaga Sumber Asli Negara (*Formation of the Mineral Board*).

11. PR-1432-L09643  
**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [ Sik ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan statistik terkini penerima bantuan JKM di Malaysia di negeri Kedah umumnya dan daerah Sik khususnya serta langkah semakan untuk kenaikan sumbangan bantuan setiap kategori.
12. PR-1432-L08820  
**Tuan Chan Ming Kai [ Alor Setar ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan adakah peladang bukan Melayu layak menjadi ahli Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dan adakah pemilikan hartanah rizab Melayu oleh sesuatu PPK boleh dijadikan alasan untuk menolak kemasukan ahli bukan Melayu.
13. PR-1432-L09780  
**Dato' Sri Hasan bin Arifin [ Rompin ]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan berapa jumlah majikan yang telah mengambil bahagian dalam insentif pengecualian cukai bagi majikan yang membantu pembayaran hutang PTPTN pekerja dan apakah langkah pihak Kementerian untuk menggalakkan lebih banyak lagi majikan yang mengambil bahagian di dalam insentif ini.
14. PR-1432-L09330  
**Tuan Sim Tze Tzin [ Bayan Baru ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status projek pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang sama ada ia akan terus dilaksanakan akibat COVID-19.
15. PR-1432-L08775  
**Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [ Libaran ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan :-
  - (a) statistik kes keganasan rumah tangga dan seksual semenjak pelaksanaan PKP, mengikut jantina, umur dan negeri; dan
  - (b) tindakan yang telah diambil oleh Kementerian terhadap suspek keganasan dan jenis bantuan yang dihulurkan kepada mangsa dan keluarga.
16. PR-1432-L09582  
**Tuan Wong Kah Woh [ Ipoh Timur ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah peruntukan Kerajaan yang telah disalurkan kepada sekolah-sekolah SMK, SMJK, SK, SJK(C), SJK(T), SUWA, SAR dari 1 Mac 2020 sehingga sekarang.

17. PR-1432-L09633  
**Tuan Sabri bin Azit [ Jerai ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan dasar dan hala tuju negara dalam menangani isu berkaitan keselamatan makanan sebagai langkah persediaan Malaysia ketika mana berhadapan dengan wabak seperti COVID-19.
18. PR-1432-L09601  
**Puan Nurul Izzah binti Anwar [ Permatang Pauh ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan :-
- (a) status terkini Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara 1 selari dengan rancangan menjamin kelajuan internet sekurang-kurangnya 30 Mbps kepada 98% rakyat Malaysia; dan
  - (b) perancangan Kementerian membuka akses '*Coverage Mapping*' buat capaian umum dalam usaha meningkatkan ketelusan data capaian internet.
19. PR-1432-L09045  
**Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh [ Besut ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status terkini projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) dan senaraikan Rancangan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) yang terlibat dalam projek ECRL ini.
20. PR-1432-L09916  
**Tuan Chong Chieng Jen [ Stampin ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan secara terperinci syarat-syarat program e-Penjana. Siapakah pengendali program dan apakah pihak *e-wallet* yang diterima pakai.
21. PR-1432-L10038  
**Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [ Lumut ]** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan usaha MOTAC untuk merencanakan industri pelancongan khususnya Pulau Pangkor pasca COVID-19.
22. PR-1432-L10019  
**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [ Port Dickson ]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan bagaimana Kementerian menangani isu kemasukan pelajar-pelajar sekolah ke Institusi Pengajian Tinggi (IPT) setelah proses pembelajaran terjejas akibat COVID-19 dan apakah Kementerian bercadang menyemak semula kriteria kelayakan kemasukan ke IPT bagi pelajar yang terjejas pencapaian mereka kerana COVID-19.

23. PR-1432-L09764

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [ Damansara ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kedudukan dasar '*Malaysians@Work*' yang bertumpu kepada graduan, wanita dan pekerja tempatan dengan perbelanjaan sebanyak RM6.5 bilion selama 5 tahun yang telah dirancang untuk dilaksanakan mulai Jun tahun ini.

24. PR-1432-L09065

**Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [ Cameron Highlands ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan semasa musim Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan, Kerajaan telah memberikan kemudahan moratorium kepada para peminjam bank. Walau bagaimanapun, didapati para penyewa yang menyewa dengan peminjam bank tersebut tidak mendapat kemudahan yang sama di mana mereka dikehendaki untuk membayar sewa premis kepada tuan premis seperti biasa. Apakah langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan untuk menyelesaikan isu tersebut dan dicadangkan kepada pihak Kerajaan untuk memberi kemudahan yang sama kepada para penyewa yang menyewa kedai.

25. PR-1432-L09843

**Puan Vivian Wong Shir Yee [ Sandakan ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sekiranya Kementerian akan bekerjasama dengan syarikat penerbangan tempatan sekali lagi untuk memperkenalkan penerbangan tambahan dengan harga tetap antara Kuala Lumpur - Sandakan pada musim perayaan Hari Raya Haji yang akan datang untuk membolehkan lebih ramai orang Sabah pulang untuk meraikannya bersama keluarga.

26. PR-1432-L09781

**Dato' Sri Hasan bin Arifin [ Rompin ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah hutang langsung Kerajaan, jumlah jaminan hutang Kerajaan dan nisbah hutang kepada KDNK.

27. PR-1432-L08747

**Dato' Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [ Sabak Bernam ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan setakat manakah Kementerian telah mengenal pasti bidang kegiatan pertanian di seluruh negara dan nyatakan perancangan dan langkah Kementerian untuk memaju dan membangunkan sektor pertanian dan industri makanan bagi memenuhi keperluan negara dan turut meningkatkan lagi pendapatan golongan petani, nelayan dan pekebun kecil mengikut lokaliti dan aktiviti khususnya di kawasan pertanian seperti di Parlimen Sabak Bernam.

28. PR-1432-L09870  
**Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub [ Machang ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa jumlah hutang negara dan bon baharu yang diterbitkan sepanjang tempoh Jun 2018 sehingga Februari 2020 dan berapa jumlah hutang yang telah dibayar bagi tempoh yang sama.
29. PR-1432-L09913  
**Datuk Hajah Azizah Binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun [ Beaufort ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian akan meneruskan Program Sarapan Makanan ke sekolah pada sesi 2020 terutamanya pelajar yang kurang berkemampuan.
30. PR-1432-L09357  
**Datuk Robert Lawson Chuat [ Betong ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah hasil kutipan cukai SST pada tahun 2019 dan perincian kesan positif seperti penurunan kos sara hidup rakyat luar bandar dan penurunan kos barang keperluan harian rakyat.
31. PR-1432-L10063  
**Tuan Ahmad bin Hassan [ Papar ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilakah Kementerian Pelajaran dan Inovasi Sabah akan diberi autonomi sepenuhnya mengendalikan hal ehwal pembangunan pelajaran di negeri Sabah.
32. PR-1432-L09303  
**Tuan Khoo Poay Tiong [ Kota Melaka ]** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan :-
- (a) apakah langkah-langkah jangka masa pendek, sederhana, dan panjang Kementerian untuk memulihkan sektor pelancongan negara dalam situasi COVID-19, khususnya dalam isu kehilangan pekerjaan di sektor tersebut; dan
  - (b) maklumat dan statistik mengenai Skim Pembiayaan Pelancongan Penjana.
33. PR-1432-L09545  
**Dr. Maszlee bin Malik [ Simpang Renggam ]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah status terkini usaha pihak Kementerian dalam memansuhkan Akta Universiti dan Kolej Universiti dan menggantikannya dengan satu akta yang lebih baik dan komprehensif.

34. PR-1432-L09574  
**Tuan Wong Kah Woh [ Ipoh Timur ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah pinjaman yang telah diproses dan diluluskan di bawah skim *Special Relief Facility* (SRF) untuk Perniagaan Kecil Sederhana (PKS). Nyatakan juga jumlah PKS yang telah mendapat manfaat berbanding dengan jumlah PKS yang ada di seluruh negara.
35. PR-1432-L09378  
**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [ Batu Gajah ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status sekolah-sekolah Tamil yang masih dalam pembinaan. Bilakah sekolah-sekolah ini dijangka siap keseluruhannya.
36. PR-1432-L08762  
**Tuan Oscar Ling Chai Yew [ Sibu ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa jumlah pembekal perkhidmatan asing yang telah mendaftar bagi mengenakan cukai perkhidmatan digital. Berapa jumlah sasaran kutipan cukai perkhidmatan digital pada tahun 2020.
37. PR-1432-L09632  
**Tuan Che Alias bin Hamid [ Kemaman ]** minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan keseriusan pihak Kementerian dalam memerangi aktiviti yang melibatkan pembalakan haram sepanjang pandemik COVID-19 menular.
38. PR-1432-L09376  
**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [ Sibuti ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah Kerajaan untuk menambah akses tunai kepada penduduk di luar bandar mendapatkan perkhidmatan seperti mesin ATM di lokasi strategik bagi membolehkan masyarakat luar bandar mempunyai wang tunai dalam tangan untuk berbelanja.
39. PR-1432-L09707  
**Datuk Mohamad bin Alamin [ Kimanis ]** minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan apakah usaha-usaha Kementerian yang telah diambil untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan elektrik di Sabah.
40. PR-1432-L09595  
**Datuk Seri Haji Salahuddin bin Ayub [ Pulai ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan Impak COVID-19 terhadap industri pertanian :-  
(a) nilai impak (dalam RM) bagi setiap sektor ; dan

- (b) berapakah bilangan pengusaha tani skala kecil/ sederhana yang terkesan daripada pandemik ini dan apakah pelan Kementerian bagi membantu mereka menghadapi kemelut ekonomi ini.
41. PR-1432-L09558  
**Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [ Balik Pulau ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan pendirian Kerajaan terhadap larangan penjualan minuman alkohol akibat kes mabuk langgar berleluasa. Apakah dapatan hasil soal selidik mengenai 'Pengambilan Alkohol dan Penguatkuasaan Undang-undang Yang Lebih Tegas Terhadap Kesalahan Memandu Dalam Keadaan Mabuk'.
42. PR-1432-L09087  
**Puan Noorita binti Sual [ Tenom ]** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan sejauh mana kesan akibat COVID-19 kepada sektor pelancongan dan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk membantu pengusaha-pengusaha dalam sektor pelancongan, terutamanya sektor pelancongan di daerah pedalaman Sabah.
43. PR-1432-L09883  
**Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan kos perbelanjaan pelan komunikasi di media tempatan terhadap wabak COVID-19 dalam tempoh Mac sehingga Jun 2020. Senaraikan pecahan perbelanjaan komunikasi di setiap media.
44. PR-1432-L09080  
**Tuan Noor Amin bin Ahmad [ Kangar ]** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan senaraikan jumlah hotel mengikut bintang yang ditutup dan tidak lagi dapat beroperasi kerana COVID-19.
45. PR-1432-L09240  
**Tengku Zulpuri bin Raja Puji [ Raub ]** minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan status cadangan RUU Perhilitan dan RUU Perhutanan yang terkini dan bila boleh bawa ke Dewan untuk dibahaskan.

46. PR-1432-L08955  
**Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [ Wangsa Maju ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sejauh manakah kejayaan di dalam pelaksanaan Implementasikan Pelan Strategi Kebangsaan bagi menangani perkahwinan bawah umur.
47. PR-1432-L09193  
**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [ Bandar Kuching ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan impak kepada ekonomi negara disebabkan virus COVID-19 dan pelan berterusan Kementerian selain stimulus yang telah diumumkan. Apakah jangkaan pertumbuhan KDNK untuk suku pertama dan kedua tahun ini dan apakah perancangan yang ada untuk merangsang pertumbuhan tersebut.
48. PR-1432-L09806  
**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [ Lembah Pantai ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah tahap hutang Kerajaan berbanding KDNK setakat 30 Jun 2020 dan adakah Kerajaan berhasrat menaikkan kadar hutang maksima 55% berbanding KDNK dalam keadaan pertumbuhan ekonomi yang dilihat bakal menguncup.
49. PR-1432-L09844  
**Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin [ Hang Tuah Jaya ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah pengecualian cukai jualan kenderaan yang diumumkan Kerajaan bertujuan membantu rakyat terbanyak yang terjejas akibat wabak COVID-19 atau golongan kaya yang membeli kenderaan mewah, kerana pengecualian ini hanya memberi penjimatan sebanyak beberapa ratus ringgit kepada pembeli Proton Saga dan tiada penjimatan untuk trak pikap; tetapi penjimatan sehingga lima puluh ribu ringgit kepada pembeli kereta mewah. Berapa anggaran jumlah kehilangan perolehan cukai Kerajaan akibat daripada pengecualian cukai jualan kenderaan ini.
50. PR-1432-L09419  
**Tuan Teh Kok Lim [ Taiping ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan usaha Kerajaan dalam pengawalan caj perkhidmatan Telco dan tahap perkhidmatan yang dibekalkan khasnya di kawasan luar bandar.

51. PR-1432-L08739  
**Tuan Wong Hon Wai [ Bukit Bendera ]** minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan statistik spesies haiwan yang terancam di Malaysia dan adakah pihak Kementerian akan meluaskan kuasa Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) untuk melindungi spesies terancam dan apakah dasar dan langkah yang telah dilaksanakan untuk menambah baik usaha tersebut.
52. PR-1432-L09116  
**Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [ Ledang ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan data dan statistik berkaitan kes isu jenayah penipuan siber sepanjang tempoh penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).
53. PR-1432-L08811  
**Tuan Hassan bin Abdul Karim [ Pasir Gudang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah pendirian sebenar Kementerian tentang pelaksanaan dasar Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI).
54. PR-1432-L09113  
**Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [ Ledang ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan langkah yang diambil Kementerian bagi membangunkan liputan dan kesalinghubungan yang lebih efektif, meluas dan menyentuh semua golongan masyarakat.
55. PR-1432-L09258  
**Tuan Chang Lih Kang [ Tanjung Malim ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah cukai yang telah dikutip daripada pengusaha dan pekerja ekonomi gig, serta kaedah Kementerian dalam menentukan paras pendapatan pekerja ekonomi gig.
56. PR-1432-L09974  
**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [ Hulu Langat ]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah Kementerian akan menambah dana penyelidikan di IPTA untuk pembangunan kajian perikanan yang menjadi salah satu sumber utama makanan rakyat.
57. PR-1432-L09212  
**Tuan Lim Kit Siang [ Iskandar Puteri ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan rancangan siber Kerajaan terutamanya dalam menangani masalah berita palsu yang terus-menerus memburukkan hubungan di antara masyarakat pelbagai kaum dan agama di negara kita berserta dengan langkah-langkah yang diambil untuk mengatasinya.

58. PR-1432-L09082  
**Tuan Noor Amin bin Ahmad [ Kangar ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa ramai mereka yang didapati positif COVID-19 layak menerima bantuan insurans MySalam.
59. PR-1432-L10050  
**Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [ Tampin ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah ada dasar yang konkrit dalam menangani masalah penjualan minuman keras di dalam penerbangan Malaysia, apakah Kerajaan berhasrat untuk menguatkuasakan larangan hidangan atau penjualan minuman keras dalam sistem penerbangan Malaysia. Jika ya, bila ia akan dikuatkuasakan.
60. PR-1432-L09368  
**Tuan Cha Kee Chin [ Rasah ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status terkini kajian yang telah dilakukan oleh Jawatankuasa Khas Pengumpulan Maklum Balas Pengiktirafan UEC. Sama ada pihak Kementerian Pendidikan atau Jemaah Menteri telah mempertimbangkan hasil kajian tersebut dan bilakah pengiktirafan UEC akan diumumkan.
61. PR-1432-L09999  
**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [ Port Dickson ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kewajaran Kerajaan untuk tidak membentang dan membahaskan dalam Dewan Rakyat terlebih dahulu berkenaan dengan pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN), pakej Pelan Jana Ekonomi Negara (PENJANA) dan mengapakah Kerajaan bertindak mengengapikan fungsi Dewan Rakyat.
62. PR-1432-L09479  
**Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [ Pandan ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah polisi, strategi dan langkah-langkah Kementerian untuk menangani masalah buli siber yang semakin berleluasa yang boleh memberikan kesan yang tragis ke atas mangsa, seperti kes seorang remaja wanita di Pulau Pinang pada bulan Mei 2020.
63. PR-1432-L09187  
**Puan Wong Shu Qi [ Kluang ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan butiran berkenaan Geran Automasi Pintar sejumlah RM100 juta di bawah PENJANA seperti berikut :-
- (a) sama ada geran ini sama dengan geran automasi pintar yang telah diumumkan dalam Belanjawan 2020; dan
  - (b) sekiranya dua geran adalah projek yang sama, jelaskan kenapa peruntukan dikurangkan untuk projek tersebut.

64. PR-1432-L09899  
**Tuan Charles Anthony Santiago [ Klang ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah-langkah Kerajaan bagi membantu sektor-sektor yang masih tidak dapat beroperasi dengan kapasiti penuh. Adakah Kerajaan bercadang untuk melanjutkan tempoh moratorium, memberi bantuan kepada peniaga yang hilang mata pencarian dan mekanisme bagi menampung sewa premis.
65. PR-1432-L08844  
**Dato' Ngeh Koo Ham [ Beruas ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan syarikat-syarikat yang dibenarkan untuk mengimport beras dan adakah Kementerian berhasrat membenarkan beras diimport secara bebas supaya harga beras di Malaysia lebih mencerminkan harga pasaran dunia.
66. PR-1432-L09015  
**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [ Pontian ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan senarai semua aset alih dan tidak alih yang telah dijual kepada entiti asing atau tempatan termasuk Khazanah merentasi semua Kementerian dan agensi serta nilai penjualannya, sama ada dibuat secara runding terus atau terbuka oleh Kerajaan PH. Nyatakan pula jumlah aset terkini Kerajaan ini dan pecahkan nilainya kepada bangunan, tanah, ekuiti, bon, sukuk dan lain-lain bentuk aset merentas semua Kementerian dan negeri-negeri yang ada.
67. PR-1432-L(5)00054  
**Puan Teo Nie Ching [ Kulai ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status pembinaan SJKC Poay Chai, Johor samada KPM telah meluluskan Jawatankuasa Pembinaan Sementara SJKC Poay Chai untuk menukar brif projek daripada 36 bilik darjah kepada 48 bilik darjah dan samada Kerajaan akan membayar kos pembinaan.

**[ Pertanyaan di bawah PM.22(5) ]**

68. PR-1432-L10027  
**Datuk Wira Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir [ Temerloh ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan Persekutuan mengamalkan tender terhad (rundingan terus) dalam pelaksanaan projek pembangunan untuk memenuhi kehendak kejayaan rangsangan ekonomi yang diumumkan oleh Perdana Menteri.

69. PR-1432-L09200

**Tuan Akmal Nasrullah bin Mohd. Nasir [ Johor Bahru ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan senarai ahli Parlimen yang telah dilantik memegang jawatan GLC, agensi suruhanjaya, yayasan atau lembaga secara terperinci. Ini termasuk dengan implikasi kewangan, emolumen serta kemudahan yang diterima oleh setiap seorang.

**PADA PERMULAAN URUSAN MESYUARAT**  
**MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN**  
**UNTUK BACAAN KALI YANG PERTAMA**

1. **Menteri Pengangkutan**

- \* Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2020.

---

\* Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dibawa pada semua peringkat di mesyuarat ini.

**ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

1. **Usul dibuat oleh Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [ Pontian ] dan masalah dicadangkan:-**

"Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:-

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Ketiga, Parlimen Yang Keempat Belas. "

**Menyambung semula perbahasan atas masalah (23 Julai ,2020)**

2. ( D.R. 1/2020 ) Rang Undang-Undang Perbekalan **Bacaan Kali**  
 Tambahan (2019) 2020 **Yang Kedua**

**[ Menteri Kewangan ]**

**DAN**

**Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak empat bilion sembilan ratus tujuh puluh juta empat ratus sembilan puluh tujuh ribu tujuh ratus ringgit (RM4,970,497,700) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2019 bagi Maksud dan Butiran (Projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama, 2019 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 2 Tahun 2020 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud dan Butiran (Projek) dalam ruang sembilan dan sepuluh penyata tersebut."

3. ( D.R 2/2020 ) Rang Undang-Undang Perbekalan **Bacaan Kali**  
(Penguntukan Semula Peruntukan **Yang Kedua**  
Perbelanjaan) 2020

[ Menteri Kewangan ]

**DAN**

**Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

"BAHAWASANYA, berikutan pembentukan Kabinet baharu pada 10 Mac 2020, beberapa kementerian telah disusun semula dan dinamakan semula, beberapa kementerian baharu telah ditubuhkan dan satu kementerian telah dibubarkan dengan fungsi-fungsinya dipindahkan kepada kementerian-kementerian lain:

DAN BAHAWASANYA Perbelanjaan Pembangunan bagi maksud-maksud yang melibatkan kementerian-kementerian yang disusun semula dan dinamakan semula itu serta kementerian yang dibubarkan telah diluluskan oleh Dewan ini dan diperuntukkan bagi maksud-maksud seperti yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2020:

DAN BAHAWASANYA terdapat keperluan untuk menyelaraskan peruntukan perbelanjaan berkenaan dengan beberapa kementerian yang disusun semula dan dinamakan semula itu berikutan dengan penyusunan semula fungsi-fungsi kementerian:

DAN BAHAWASANYA amaun yang belum dibelanjakan berhubung dengan kementerian yang telah dibubarkan dan kementerian-kementerian yang peruntukan perbelanjaannya perlu dikurangkan akan disekat melalui waran yang dikeluarkan oleh Menteri Kewangan di bawah seksyen 8, Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406]:

DAN BAHAWASANYA menurut subseksyen 4(1), Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], penguntukan semula peruntukan perbelanjaan bagi maksud-maksud yang melibatkan kementerian-kementerian yang telah disusun semula dan dinamakan semula, dan kementerian-kementerian baharu itu hanya boleh dilakukan melalui suatu Usul yang diluluskan oleh Dewan ini:

BAHAWA DEWAN INI, mengikut subseksyen 4(3), Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan bahawa jumlah wang sebanyak tujuh bilion lapan ratus enam puluh tujuh juta dua puluh satu ribu enam ratus sepuluh ringgit (RM7,867,021,610) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2020 bagi Maksud dan Butiran (Projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua Penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) Tahun 2020 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 5 Tahun 2020 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud dan Butiran (Projek) dalam ruang ketujuh dan kelapan Penyata tersebut dan Usul ini disifatkan telah berkuat kuasa pada 10 Mac 2020."

4. ( D.R 37/2019 ) Rang Undang-Undang Racun (Pindaan) **Bacaan Kali Yang Kedua**  
2019

**[ Menteri Kesihatan ]**

5. ( D.R 42/2019 ) Rang Undang-Undang Perlembagaan " (Pindaan) (No. 2) 2019

**[ Perdana Menteri ]**

6. ( D.R. 25/2019 ) Rang Undang-Undang Suruhanjaya " Bebas Aduan Salah Laku Polis 2019

**[ Perdana Menteri ]**

7. PR-1432-UL064  
**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [ Bukit Gelugor ]** akan mencadangkan :-

"BAHAWA mengikut Peraturan Mesyuarat 86(5), maka Penyata Jawatankuasa Pilihan yang dibentangkan di atas meja Mesyuarat di dalam Dewan ini sebagai Kertas DR.10 Tahun 2019 hendaklah diterima dan dipersetujukan."

8. PR-1432-U(27)116  
**Datuk Seri Panglima Madius Tangau [ Tuaran ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa usul kewarganegaraan. Menyedari hakikat bahawa terdapat pelbagai pengakuan melalui sesi-sesi pendengaran awam oleh pelbagai Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen tentang penglibatan mereka dalam pemberian kad-kad pengenalan secara haram di Sabah dan menerima laporan pelbagai kajian di Sabah yang mendapati pengakuan responden pernah membayar pegawai-pegawai Jabatan Pendaftaran sebagai sogokan untuk mengeluarkan kad-kad pengenalan secara haram dan menerima hakikat bahawa terdapat kadar pertumbuhan yang sangat luar biasa di negeri Sabah yang dengan sendirinya membuktikan bahawa adanya pemberian kad-kad pengenalan secara haram dan rasuah. Dan menerima hakikat bahawa Ketua Audit Negara Tahun 2018 telah melaporkan bahawa terdapat 100,000 pelancong daripada negara China dan India yang datang ke negara ini tetapi didapati tidak ada rekod balik ke negara asal. Dan demi untuk membersihkan daftar penduduk warganegara Malaysia di Sabah maka Dewan Yang Mulia ini dengan ini membuat keputusan bahawasanya kad-kad pengenalan yang ada sekarang hendaklah ditukar dengan kad pengenalan yang baru di mana setiap penduduk yang mempunyai kad pengenalan hendaklah memohon untuk mendapatkan kad pengenalan yang baru ini dengan menggunakan dokumen-dokumen seperti surat atau sijil beranak yang sah."

**[ Perdana Menteri ]**

9. PR-1432-U(27)114  
**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa mencadangkan Kerajaan supaya mempergiatkan usaha untuk menyatupadukan rakyat berbilang kaum di Malaysia yang kelihatan masih lemah dan longgar meskipun negara telah menjadi negara merdeka dan berdaulat sejak 63 tahun lalu supaya mereka boleh hidup dengan aman dan saling memerlukan dan memahami bagi memudahkan mereka membangunkan ekonomi negara secara bersama dan merealisasikan Impian Negaraku Malaysia Baharu selepas PRU 14."

**[ Menteri Perpaduan Negara ]**

10. PR-1432-U(27)115  
**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa mencadangkan Kerajaan memulihkan pilihan raya Kerajaan Tempatan seluruh negara supaya urus tadbir Kerajaan menjadi lebih cekap, akauntabiliti dan bersih dengan mengambil langkah pertama untuk membuat kajian serius dan melakukan pungutan suara antara rakyat."

**[ Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan ]**

11. PR-1432-U(27)119  
**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [ Arau ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya memberi penjelasan dari mana diperoleh peruntukan mengurus dan merangsang ekonomi semasa pandemik COVID-19 hingga sekarang yang berjumlah lebih dari RM250 bilion itu. Ini adalah kerana peruntukan ini melebihi kemampuan kewangan negara yang dianggarkan sekitar RM200 bilion sahaja. Kerajaan Pakatan Harapan dahulu pula menyatakan bahawa kedudukan kewangan Kerajaan adalah kritikal dengan hutang negara melebihi RM1 trilion."

**[ Menteri Kewangan ]**

12. PR-1432-U(27)120  
**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [ Arau ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya merancang pembinaan jeti Kuala Perlis yang baru kerana pada masa ini jeti tersebut mengalami mendapan yang tinggi (6 meter setahun) dan telah mengganggu kelancaran perjalanan feri-feri penumpang, kapal-kapal kargo dan bot-bot ikan yang mana telah menjejaskan ekonomi negara. Pembinaan jeti ini dicadang dibina 3km dari muara Kuala Perlis yang juga boleh berfungsi sebagai halangan kepada kemasukan penyeludup-penyeludup dan pendatang asing tanpa izin. Jeti ini juga boleh berfungsi sebagai sempadan di lautan."

**[ Menteri Pengangkutan ]**

13. PR-1432-U(27)121

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [ Arau ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membuka semula 'Free Flow 2KM ' di sempadan Wang Kelian Perlis bagi menjana perkembangan ekonomi yang sebelum ini amat rancak sebelum ditutup sepenuhnya pada tahun 2008. Semasa adanya "Free Flow" ini, Wang Kelian merupakan satu destinasi pelancongan yang amat meriah dan telah memberi ruang kepada peniaga-peniaga kecil di Perlis dan juga Selatan Thailand."

**[ Menteri Dalam Negeri ]**

14. PR-1432-U(27)122

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [ Arau ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya memberi penjelasan terhadap kedudukan pelancong-pelancong yang datang ke Malaysia dan telah luput tarikh visa lawatan mereka, berapa jumlah mereka yang telah tamat tempah visa lawatan, apakah usaha-usaha untuk menjejaki mereka dan berapa jumlah mereka yang telah dihantar pulang ke negara masing-masing serta berapa pula yang masih berada dalam negara."

**[ Menteri Dalam Negeri ]**

15. PR-1432-U(27)123

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [ Arau ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya memberi penjelasan terhadap Kapal *Coast Guard* China yang berlabuh di Beting Patinggi Ali sejak tahun 2013 lagi di mana kawasan tersebut merupakan kawasan perairan Malaysia yang memberi implikasi bahawa satu pencerobohan telah berlaku keatas kedaulatan negara di samping menjejaskan aktiviti-aktiviti cari gali minyak dan juga perikanan rakyat kita. Ia juga memberi implikasi sebuah negara besar sedang membuli negara kita."

**[ Perdana Menteri ]**

16. PR-1432-U(27)124

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [ Arau ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya Akta Pengangkutan Jalan (APJ 1987) dipinda bagi membolehkan pesalah-pesalah pemandu mabuk yang memandu di bawah pengaruh alkohol atau dadah dan menyebabkan kematian agar dimasukkan klausa memberi hukuman setimpal seperti hukuman mati jika telah menyebabkan kematian."

**[ Menteri Pengangkutan ]**

17. PR-1432-U(27)126

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [ Arau ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya satu peraturan baru diperkenalkan bagi menangani dan mengawal aktiviti pembalakan di negeri-negeri Kedah, Kelantan, Terengganu dan Pahang. Pembalakan yang tanpa kawalan telah menyebabkan bencana alam yang sering terjadi saban tahun seperti hakisan tanah, banjir dan ketidakseimbangan kepada ekosistem negara."

**[ Menteri Tenaga Dan Sumber Asli ]**

18. PR-1432-U(27)127

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [ Arau ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya diwujudkan pusat benih padi khusus di kawasan utara khususnya di Arau, Perlis bagi membekalkan benih-benih padi yang bermutu tinggi dan mencukupi serta membolehkan penyelidikan yang agresif dibuat bagi menghasilkan benih padi baru."

**[ Menteri Pertanian Dan Industri Makanan ]**

19. PR-1432-U(27)128

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [ Arau ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya menyediakan perancangan, peruntukan dan prasarana kepada pelajar-pelajar universiti, kolej, STPM dan SPM bagi menghadapi kaedah pembelajaran alaf baru seperti pembelajaran dalam talian dan menggunakan media elektronik. Ini bagi membolehkan dan mendedahkan mereka ke alam teknologi siber dan e-pembelajaran yang semakin berkembang yang seterusnya memerlukan guru-guru yang terlatih dalam pendidikan alaf baru."

**[ Menteri Pendidikan ]**

20. PR-1432-U(27)125

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [ Arau ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan mengisytiharkan kadar pengangguran semasa yang dijangka akan mencecah sehingga 5% dari jumlah tenaga kerja dan apakah perancangan-perancangan khusus Kerajaan bagi menangani kadar pengangguran yang agak tinggi ini. Dengan kadar pengangguran yang tinggi ini ditambah pula dengan jumlah golongan B40 yang juga tinggi boleh memberikan implikasi yang tidak sihat pada ekonomi negara."

**[ Perdana Menteri ]**

21. PR-1432-U(27)117

**Dato' Hasbullah bin Osman [ Gerik ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa agar Kerajaan meneliti serta mengkaji suatu kaedah baru untuk meningkatkan keselamatan kad pengenalan serta pasport antarabangsa agar ianya tidak mudah untuk sedikit melakukan pemalsuan dokumen tersebut. Menurut laporan yang dikeluarkan Ketua Audit Negara 2018 (Siri 2) bulan Disember 2019 terdapat lebih 100 ribu orang warga asing tiada rekod keluar dari Malaysia dan masih berada dalam negara. daripada laporan audit tersebut terdapat seramai 76,258 orang pelancong China dan 39,806 orang pelancong India tiada rekod keluar dari Malaysia dan masih berada dalam Malaysia. Dengan kebanjiran warga asing tanpa kawalan dan penjualan dokumen MyKad serta Sijil Kelahiran, membuatkan keselamatan negara berada dalam keadaan yang amat merbahaya."

**[ Menteri Dalam Negeri ]**

22. PR-1432-U(27)118

**Dato' Hasbullah bin Osman [ Gerik ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa agar Kerajaan menghantar pulang semua pendatang asing tanpa izin (PATI) dan pekerja asing berdokumen yang telah tamat tempoh ke negara masing-masing bagi menjamin peluang pekerjaan yang melibatkan rakyat tempatan. Sebelum ini Persekutuan Majikan-majikan Malaysia (MEF) telah mengeluarkan kenyataan bahawa majikan-majikan di negara ini bakal mengurangkan tenaga pekerja sebanyak 50 peratus, justeru keutamaan bagi mengekalkan tenaga kerja perlu tertumpu ke arah pekerja tempatan. Berdasarkan Akta Pekerja 1955, jika berlaku sebarang pengurangan tenaga pekerja oleh pihak majikan, perkhidmatan pekerja asing yang harus ditamatkan terlebih dahulu dan majikan harus mendahului keperluan pengekalan tenaga kerja tempatan. Bagi mengisi kekosongan pekerjaan yang ditinggalkan pekerja asing, Kerajaan perlu mendaftarkan semula tenaga kerja tempatan untuk mengisi kekosongan tersebut dengan pekerja-pekerja tempatan yang telah diberhentikan kerja oleh majikan-majikan dari negara luar seperti Singapura semasa tempoh COVID-19. Langkah Kerajaan menghantar pulang PATI dan pekerja asing ke negara masing-masing adalah tepat kerana tindakan itu bukan sahaja dapat menjamin peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan, bahkan dapat mengawal penularan wabak COVID-19 daripada tidak terkawal."

**[ Menteri Sumber Manusia ]**

23. PR-1432-U(27)129  
**Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [ Langkawi ]** akan mencadangkan :-  
"Bahawa Dewan ini memberi kebenaran kepada Ahli Yang Berhormat bagi kawasan Langkawi untuk mencadangkan suatu usul iaitu menurut Peraturan Mesyuarat 26(1) dibaca bersama Peraturan Mesyuarat 27(3), dalam Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat, mengemukakan resolusi untuk membuat ketetapan bahawa Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin bin Yassin sebagai Ahli Yang Berhormat Pagoh tidak mempunyai keyakinan majoriti Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat."  
**[ Perdana Menteri ]**
24. PR-1432-U(27)132  
**Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [ Pasir Puteh ]** akan mencadangkan :-  
"Bahawa Dewan ini memberi kebenaran kepada Ahli Yang Berhormat bagi kawasan Pasir Puteh untuk mencadangkan ucapan setinggi-tinggi tahniah atas pelantikan Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Muhammad Yassin, Ahli Parlimen Pagoh, sebagai Perdana Menteri Malaysia Yang Ke-8 dan menyatakan kepercayaan penuh terhadap kepimpinan beliau dan berikrar akan memberikan kerjasama dan sokongan sepenuhnya kepada beliau bagi melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya."  
**[ Perdana Menteri ]**
25. PR-1432-U(27)131  
**Dato' Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [ Sabak Bernam ]** akan mencadangkan :-  
"Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 27(3), Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, Dewan ini mengambil ketetapan-ketetapan berikut :  
Bahawasanya Dewan ini, mengalu-alukan dan menyanjung tinggi serta mengucapkan tahniah atas pelantikan YAB Ahli Parlimen Pagoh sebagai Perdana Menteri Malaysia Ke-8;  
Bahawasanya pelantikan ini akan menyerlah lagi kepimpinan dan menonjolkan keupayaan YAB Parlimen Pagoh sebagai pemimpin negara dengan ciri dan gaya kepimpinan yang dihormati, penyayang serta perihatin terhadap rakyat;  
Bahawasanya YAB Ahli Parlimen Pagoh telah menunjukkan kemampuan kepimpinan yang gemilang dalam menangani pandemik COVID-19 yang melanda negara ini serta memberikan komitmen yang tinggi terhadap kebajikan rakyat negara ini dengan melaksanakan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN);

Bahawasanya YAB Ahli Parlimen Pagoh telah mencetuskan idea dan menggerakkan pemulihan ekonomi negara yang terkesan akibat pandemik COVIC-19 melalui inisiatif di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA);

Dengan ini, semua Ahli Dewan Rakyat mengambil ketetapan dan berikrar serta berjanji memberi komitmen, kesetiaan yang tidak berbelah-bagi dan kepercayaan penuh terhadap YAB Ahli Parlimen Pagoh selaku Perdana Menteri Malaysia; dan

Dengan ini, bahawasanya Dewan ini berdiri teguh serta menyokong sepenuhnya pelantikan dan kepimpinan YAB Ahli Parlimen Pagoh sebagai Perdana Menteri Malaysia Ke-8."

**[ Perdana Menteri ]**

26. PR-1432-U(27)130

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [ Arau ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 27(1) dibaca bersama Peraturan Mesyuarat 27(3), Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat, Dewan ini mengambil ketetapan-ketetapan berikut :

Bahawasanya Dewan ini mengalu-alukan pelantikan YAB Ahli Parlimen Pagoh sebagai Perdana Menteri Malaysia Ke-8 dan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah;

Bahawasanya YAB Ahli Parlimen Pagoh telah menunjukkan kemampuan kepimpinan yang amat cemerlang dalam menangani pandemik COVID-19 yang melanda negara ini serta memberikan komitmen yang tinggi terhadap kebajikan rakyat dengan melaksanakan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN);

Bahawasanya YAB Ahli Parlimen Pagoh telah menggerakkan pemulihan ekonomi negara yang terkesan akibat pandemik COVID-19 dan mengambil tindakan yang tepat melalui inisiatif di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA);

Bahawasanya pelantikan ini akan menyerlahkan lagi kepimpinan YAB Parlimen Pagoh sebagai pemimpin negara dengan ciri dan gaya kepemimpinan yang penyayang, prihatin dan dihormati rakyat;

Dengan ini, semua Ahli Dewan Rakyat mengambil ketetapan dan berikrar serta memberikan kesetiaan yang tidak berbelah-bagi dan kepercayaan sepenuhnya terhadap kepimpinan YAB Ahli Parlimen Pagoh sebagai Perdana Menteri."

**[ Perdana Menteri ]**



**\*\*UCAPAN-UCAPAN  
( PERATURAN MESYUARAT 17 )  
( KAMAR KHAS )**

<b>Tarikh Ucapan</b>	<b>Ahli Yang Berucap</b>	<b>Tajuk Ucapan</b>	<b>Menteri Yang Bertanggungjawab</b>
1. 27.07.2020 (Isnin)	1. YB Tuan Wong Ling Bui (Sarikei)	1. Cadangan Pembangunan Sekolah Menengah Sungai Paoh	1. YB Menteri Pendidikan
2. 27.07.2020 (Isnin)	2. YB Tuan Charles Anthony Santiago (Klang)	2. Kementerian Pengangkutan Malaysia Harus Menyelaraskan Sektor Perkapalan, Ejen-Ejen Penghantaran Dan Logistik Serta Pelabuhan	2. YB Menteri Pengangkutan

**\*\* Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**